

07/09/1997

Pelabur kembali cergas di BSKL

KUALA LUMPUR: Pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pewujudan dana RM60 bilion untuk mempertahankan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan pertemuan penasihat ekonomi negara, Tun Daim Zainuddin, dengan beberapa pengurus dana, berjaya meningkatkan keyakinan pelabur kembali cergas di BSKL, kelmarin.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Afifuddin Omar, berkata pelabur sememangnya tahu asas ekonomi dan latar belakang syarikat yang disenaraikan di BSKL sangat kukuh, tetapi mereka perlu suntikan keyakinan dari semasa ke semasa.

Kelmarin, BSKL mencatat kenaikan tertinggi harian sejak Januari 1994 apabila Indeks Komposit melonjak 90.47 mata atau 12.37 peratus untuk ditutup pada 821.59 mata.

"Kembalinya pelabur ke BSKL kelmarin sudah kita jangka. Ini kerana pertama, semua pelabur sudah tahu asas kekuatan ekonomi negara dan kedua, asas yang kuat lebih 790 syarikat di BSKL berasaskan pengawasan yang baik oleh kerajaan.

"Ini menjadi tunjang kepada keyakinan pelabur, tetapi mereka memerlukan sokongan untuk memantapkan dua asas tadi. Kekuatan syarikat ialah keuntungan dan prestasi yang tinggi. Keyakinan pelabur juga meningkat berikutan pengumuman Perdana Menteri mengenai pewujudan dana RM60 billion untuk mempertahankan BSKL selain petunjuk seperti defisit imbalan pembayaran semakin mengurangkan dengan ketara.

"Keluaran Negara Kasar (KNK) daripada unjuran 5.5 peratus oleh Bank Negara kepada 5.2 peratus juga membantu menaikkan tahap keyakinan pelabur," katanya.

Dr Afifuddin berkata, kerajaan akan meneruskan usaha memperkukuhkan asas ekonomi negara dengan meningkatkan eksport dan mengurangkan import.

"Itu adalah fokus untuk memperbaiki pengimbangan pembayaran negara khususnya dalam membaiki kedudukan defisit akaun semasa. Kita juga perlu membaiki kedudukan imbalan pembayaran dalam sektor perkhidmatan," katanya.

Menurutnya, Malaysia memang mempunyai kekuatan asas ekonomi dan saranan Dr Mahathir supaya kembali ke BSKL berjaya menarik semula pelabur ke bursa itu.

(END)